



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 22 APRIL 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

KPDN dalam proses kumpul maklumat kartel padi, beras

KPKM berikan komitmen penuh pastikan siasatan dapat dilaksana dengan telus

Oleh Rafiqah Dahali
bhnews@bh.com.my

Papar: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) masih dalam proses mendapatkan maklumat terperinci berkaitan kartel padi dan beras di negara ini.

Menterinya, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata maklumat da-

ri pada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara diperlukan sebelum bentuk siasatan dapat dirangka.

"Sebagaimana saya maklumkan sebelum ini, ada sedikit kekeliruan bila orang sebut padi dan beras, maka orang akan ingat KPDN. Seperti yang kita sedia maklum, Akta 522 (Akta Kawal Selia Padi dan Beras 1994) adalah di bawah bidang kuasa KPKM (Kementerian Pertanian dan Kejurjaman Makanan).

"Memang ada (diterima) aduan (berkaitan kartel padi dan beras). Maka Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah mengambil tindakan atas aduan tersebut dan kita sedang mendapatkan maklumat itu.

"Dengan adanya maklumat tersebut, kita akan merangka ben-

Kementerian, MyCC siasat unsur kartel industri beras

Keratan akbar BH
1 Mac lalu.

tuk siasatan yang akan dilaksanakan," katanya pada Majlis Sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar dan ADUN Kawang 2024 di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pengalat, di sini, semalam.

Sebelum ini, media melaporkan KPKM menegaskan tidak akan melindungi jika ada mana-mana pihak yang didapati terbabit dengan aktiviti kartel padi dan be-



Armizan ditemui pemberita pada Majlis Sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar dan ADUN Kawang di Dewan SMK Pangalat, semalam.

(Foto Mohd Adam Arinin/BH)

ras di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata pihaknya sentiasa bersedia menyalurkan sebarang maklumat kepada MyCC sekiranya benar wujud kartel padi serta beras dan tidak akan mencampuri sebarang urusan siasatan oleh MyCC.

Jangan simpan stok beras

Armizan yang juga Ahli Parlimen Papar berkata, KPKM juga sudah memberikan komitmen penuh kepada pihaknya agar siasatan dapat dilaksanakan dengan telus.

Sementara itu, Mohamad ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Ku-

la Selangor semalam mengingatkan semua pihak termasuk orang awam untuk tidak menyimpan stok beras dalam kuantiti besar bagi mengelakkan berlaku pembaziran bekalan makanan ruji itu.

"Jika ada (simpan) sedekahlah (stok beras) berikan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

Sebelum ini, tular satu rakaman memaparkan puluhan kampong beras, tepung dan sardin dibuang di tapak pelupusan sampah berdekatan laluan pintasan Rumpun Makmur, Kampung Guning Senyum, Temerloh, Pahang.

Aduan kartel beras, KPDN kumpul maklumat - Armizan

PAPAR: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan merangka tindakan bagi menyelesaikan isu kartel beras selepas semua maklumat diperoleh.

Menyerahnya, Datuk Armizan Mohd. Ali berkata, pihaknya sedang mendapatkan maklumat Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

Beliau berkata, Akta 522 terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan disebabkan ada aduan maka, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) akan bertindak atas aduan berkenaan.

“Pada masa ini, kita sedang mendapatkan maklumat daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras. Dengan adanya maklumat tersebut, kita akan merangka bentuk siasatan yang akan dilaksanakan,” katanya semasa mengulas tentang perkembangan isu kartel beras yang didakwa berlaku di pasaran.

Setakat ini, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu sudah memaklumkan pihaknya memberi komitmen agar siasatan dapat dilaksanakan dengan telus.

Dalam perkembangan lain, Armizan berkata, Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) sedang melaksanakan kajian jurang perbezaan harga barang keperluan terpilih antara Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan dan Semenanjung Malaysia.

Kedua-dua universiti itu mengemukakan kertas cadangan awal mengenai kajian penstabilan harga Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 19 April lalu.

“Kajian dijangka berlangsung enam bulan dan laporan inisiasi kajian akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan pada Ogos depan,” katanya.



ARMIZAN (tengah) pada Majlis Sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar dan Ahli Dewan Undangan Negeri Kawang 2024 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pengalat, Papar semalam.

Pihak terlibat bakal berhadapan tindakan tegas

KPDN kumpul bukti isu kartel padi, beras

PAPAR — Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd. Ali menyatakan pihaknya sedang giat mengumpul maklumat terperinci berkaitan kartel padi serta beras di seluruh negara.

Armizan berkata, siasatan yang akan dirangka adalah selepas memperoleh data daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM).

"Memang ada (diterima) aduan (berkaitan kartel padi dan beras).

"Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) juga sudah mengambil tindakan atas aduan tersebut dan kita sedang mendapatkan maklumat itu.

"Oleh itu, kita sedang mendapatkan maklumat daripada Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras Negara di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM).

"Dengan adanya maklumat berkenaan, kita akan merangka bentuk siasatan yang akan dilaksanakan," katanya.

Armizan berkata demikian ketika ditemui media sempena Majlis Sambutan Aidilfitri Ahli Parlimen Papar dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kawang 2024 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Pengalat semalam.

Terdahulu, KPBM menegaskan bakal mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana pihak yang didapati terlibat dalam aktiviti kartel padi dan beras di negara ini sehingga menyebabkan beras tempatan tiada di pasaran.

KAJIAN PENSTABILAN HARGA SABAH, SARAWAK, LABUAN

Kerjasama UMS, Unimas

Papar: Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) akan melaksanakan Kajian Penstabilan Harga Sabah, Sarawak dan Labuan yang dijadualkan berlangsung dalam tempoh enam bulan.

Menyatakan itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Datuk Armizan Mohd Ali berkata kedua-dua universiti terbabit sudah mengemukakan kertas cadangan awal mengenai kajian terbabit.

Menurutnya, kajian terbabit bertujuan untuk mengetahui pasti senario se-

masa serta isu jurang harga barang asas terpilih di Sabah, Sarawak dan Labuan termasuk mengkaji dinamika perbezaan harga serta rantai bekalan.

"Kajian dijangka akan berlangsung selama enam bulan dan laporan inisiasi kajian akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penstabilan pada Ogos depan.

"Kajian berkenaan membabitkan lima kawasan utama di Sabah dan Labuan iaitu bahagian Kudat, bahagian Pantai Barat, pedalaman, Sandakan serta Tawau dan Labuan.

"Di Sarawak, kajian akan membabitkan tiga bahagian iaitu Miri, Bintulu, Limbang, empat bahagian di Sibu, Sarakei, Mukah dan Kapit serta lima bahagian di barat Sarawak iaitu Kuching, Kota Samarahan, Serian, Sri Aman dan Betong.

"Hasil kajian juga akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Penstabilan Harga sebelum ia diangkat untuk perhatian Mesyuarat Majlis Tindakan Sarawak Hidup Negara yang diperlakukan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim)," katanya.

SUBSIDI DIESEL BERSASAR

Cari pandangan industri logistik

Kuala Lumpur: Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican mengadakan perbincangan bersama industri logistik mengenai pelaksanaan program subsidi bersasar bagi diesel, Jumaat lalu.

Menurut Kementerian Kewangan (MOF), perbincangan itu bertujuan mendapatkan pandangan persatuan dan syarikat logistik bagi cadangan program itu.

"Perbincangan ini adalah bagi mendapatkan pandangan persatuan dan syarikat logistik mengenai skop dan syarat bagi cadangan program ini, terutamanya bagi mendengar isu yang dihadapi serta langkah-langkah penambahbaikan," menurut MOF dalam catatan di laman sosial rasmi Kementerian Kewangan, kelmarin.

MOF menjelaskan seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2024, kerajaan akan melaksanakan rasionalisasi subsidi bagi mengelakkan ketirisan dan penyeludupan yang berterusan.

"Namun, bagi mengurangkan impak kepada

harga barang untuk rakyat, harga diesel bersubsidi akan terus dinikmati oleh pengguna terpilih seperti syarikat pengangkutan barang," tambah MOF.

Kementerian itu memaklumkan bahawa mekanisme rasionalisasi subsidi diesel akan dijalankan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) melalui Projek Rintis Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi 2.0 (SKDS 2.0).

"Sebaik berjaya mendapat kelulusan di bawah Sistem MySubsidi Diesel KPDN, syarikat-syarikat sektor pengangkutan darat (barang) boleh mendapatkan *Fleet Card* daripada syarikat minyak pilihan untuk pembelian diesel bersubsidi," jelas MOF.

Menurut MOF, kerajaan akan dapat menyalurkan hasil negara kepada rakyat yang benar-benar memerlukan, antaranya melalui Sumbangan Tunai Rahmah, Sumbangan Asas Rahmah dan bantuan lain-lain dengan pelaksanaan rasionalisasi subsidi diesel.



HARGA diesel bersubsidi akan terus dinikmati oleh pengguna terpilih seperti syarikat pengangkutan barang.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 22 APRIL 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-Apr	KPDN Pahang rekod 20 kes sepanjang Ops Pantau 2024	https://www.sinarharian.com.my/article/660180/edisi/pahang/kpdn-pahang-rekod-20-kes-	SINAR HARIAN
22-Apr	Jualan murah di tujuh cawangan pasar raya Segi Fresh esok	https://selangorkini.my/2024/04/jualan-murah-di-tujuh-cawangan-pasar-raya-segi-fresh-esok/	SELANGOR KINI
22-Apr	Kajian penstabilan barang Sabah, Sarawak dan Labuan ambil enam bulan – Armizan	https://www.sabahgazette.com/kajian-penstabilan-barang-sabah-sarawak-dan-labuan-ambil-enam-bulan-armizan/	SABAH GAZETTE
22-Apr	KPDN giat kumpul maklumat berhubung kartel padi, beras	https://www.kosmo.com.my/2024/04/21/kpdn-giat-kumpul-maklumat-berhubung-kartel-padi-beras/	WWW .KOSMO.COM
22-Apr	Study on price stabilisation of goods in Sabah, Sarawak, Labuan will take six months - Armizan	https://thesun.my/local_news/study-on-price-stabilisation-of-goods-in-sabah-sarawak-labuan-will-take-six-months-armizan-PF12357109	THE SUN
22-Apr	KPDN masih kumpul maklumat terperinci kartel padi, beras	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1237293/kpdn-masih-kumpul-maklumat-terperinci-kartel-padi-beras	BERITA HARIAN
22-Apr	Kajian penstabilan barang Sabah, Sarawak dan Labuan ambil enam bulan – Armizan	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2289945	BERNAMA
22-Apr	KPDN dapatkan maklumat penuh kartel padi, beras sebelum rangka siasatan - Armizan	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/04/1082180/kpdn-dapatkan-maklumat-penuh-kartel-padi-beras-sebelum-rangka-siasatan	HARIAN METRO

22-Apr	Domestic trade minister: Study on price stabilisation of goods in Sabah, Sarawak, Labuan will take six months	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/04/21/domestic-trade-minister-study-on-price-stabilisation-of-goods-in-sabah-sarawak-labuan-will-take-six-months/130014	MALAY MAIL
22-Apr	KPDN minister: Study on price stabilisation of goods in Sabah, Sarawak, Labuan to take six months	https://www.theborneopost.com/2024/04/21/kpdn-minister-study-on-price-stabilisation-of-goods-in-sabah-sarawak-labuan-to-take-six-months/	THE BORNEO POST
22-Apr	Kajian penstabilan barang Sabah, Sarawak dan Labuan ambil enam bulan – Armizan	https://suarasarawak.my/kajian-penstabilan-barang-sabah-sarawak-dan-labuan-ambil-enam-bulan-armizan/	SUARA SARAWAK
22-Apr	Kerajaan negeri disyorkan skop pasang paip masuk peruntukan bina Rumah Mesra SMJ – Armizan	https://sabahmedia.com/2024/04/21/kerajaan-negeri-disyorkan-skop-pasang-paip-masuk-peruntukan-bina-rumah-mesra-smj-armizan/	SABAH MEDIA
22-Apr	KPDN tumpas kegiatan seleweng diesel subsidi, 2 ditahan	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2024/04/20/kpdn-tumpas-kegiatan-seleweng-diesel-subsidi-2-ditahan/	FREE MALAYSIA TODAY
22-Apr	Seleweng petrol guna Kelisa	https://www.sinarharian.com.my/article/660686/berita/semasa/seleweng-petrol-guna-kelisa	SINAR HARIAN